

11 APR 2000

Abdullah-Etika

TIADA PERATURAN TAMBAHAN DALAM KOD ETIKA PEMILIHAN UMNO

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Umno tidak bercadang membuat peraturan tambahan terhadap kod etika pemilihan parti itu walaupun terdapat saranan supaya Majlis Tertingginya berbuat demikian supaya ia merangkumi anggota perwakilan dan ejen yang dilantik mewakili calon.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata, ini kerana selain daripada calon, kod etika itu perlu dipatuhi semua pihak yang terlibat dalam pemilihan termasuk anggota perwakilan dan ejen terbabit.

"Kod itu kalau dibaca, dihalusi, ia juga melibatkan pihak yang bukan calon termasuk ejen mereka. Ianya menyeluruh dan melibatkan semua pihak," katanya kepada pemberita selepas mewakili Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menyampaikan ucapan Perdana Menteri pada Sidang Kemuncak Perniagaan Asean 2000 di sini.

Akhbar melaporkan hari ini bahawa beberapa pemimpin Umno menyarankan supaya MT menggariskan peraturan lebih khusus berhubung kempen pemilihan supaya ia turut merangkumi anggota perwakilan dan ejen-ejen berkenaan.

Calon naib presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin dipetik sebagai berkata pucuk pimpinan parti perlu membuat arahan lebih khusus terutamanya bagi membanteras gejala politik wang.

Abdullah, naib presiden yang kini menjalankan tugas-tugas timbalan presiden Umno, berkata kod etika itu sememangnya banyak mempunyai hubungan kait dengan persoalan politik wang.

Kod etika yang diluluskan oleh MT 3 Feb lepas, antara lain melarang calon-calon berkempen menggunakan wang.

Dr Mahathir juga telah mengingatkan calon supaya tidak sekali-kali menggunakan wang bagi "membeli" perwakilan menjelang pemilihan bulan depan.

Abdullah berkata kod etika itu mungkin diperbaiki lagi pada masa depan berdasarkan pengalaman baru yang ditimba pada pemilihan kali ini.

Beliau berkata Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno tidak menerima sebarang aduan berkaitan pelanggaran etika kempen bagi pemilihan parti.

-- BERNAMA

mam mai